

BAB 4

PENGURUS PENTADBIRAN DAN POLITIK MELAKA

Pendahuluan

Tun Perak adalah bersifat sederhana, bijaksana, berpandangan jauh, berani, dan bertanggungjawab. Oleh yang demikian, Tun Perak merupakan seorang pengurus pentadbiran dan politik kerajaan Melayu Melaka yang tidak asing lagi kepada kita semua. Kepimpinan beliau sebagai Bendahara Paduka Raja amat unggul sehingga ketokohan yang ada padanya telah membolehkan Melaka muncul sebagai sebuah empayar Melayu yang disegani di rantau ini. Sebelum penulis membincangkan secara terperinci mengenai bab ini, kita lihat dahulu apakah yang dimaksudkan dengan politik. Menurut Harold Lasswell, yang merupakan seorang ahli sains politik terkemuka, pengertian politik itu ialah ‘sesiapa yang beroleh sesuatu (kuasa) mengikut masa dan caranya’.¹ Manakala menurut Kamus Dewan pula, politik bermaksud segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain.²

Di dalam masyarakat Melayu tradisional pula, aspek politik terutamanya seperti yang digambarkan oleh *Sejarah Melayu*, lebih menitikberatkan konsep raja dan kerajaan, sistem pemerintahan dan

¹ M.H.Fried, 1977. *Antropologi dan Kajian Politik*, dalam *Bidang-bidang Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 197.

² Teuku Iskandar, 1970. *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 885.

kecemerlangan serta kemalapan kuasa politik. Aspek-aspek ini mula terserlah dalam masyarakat Melayu Semenanjung apabila seorang anak raja muda menegakkan sebuah dinasti atau kesultanan di Melaka sekitar tahun 1400 T.M. J.M. Gullick menyifatkan peristiwa itu sebagai tanda bermulanya sebuah sistem politik bumiputera dalam unit-unit yang besar di rantau ini. Walaupun kesultanan itu cuma hidup kira-kira satu abad (1400-1511) tetapi pengaruhnya adalah amat besar.³

Bidang Kuasa Tun Perak Sebagai Pengurus Pentadbiran Politik Melaka

Bakat Tun Perak telah berjaya dicungkil oleh Raja Kassim yang mengambil gelaran Sultan Muzaffar Syah.⁴ Kemungkinan besar, bakat dan kebolehan yang ada dalam dirinya merupakan bakat semulajadi yang turun-temurun diwarisi daripada ayahnya iaitu Bendahara Seri Wak Raja yang menjadi Bendahara ketika zaman awal pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Tun Perak telah berjaya menunjukkan ketokohan kepimpinan yang ada dalam dirinya bermula dengan jawatan sebagai penghulu di daerah Kelang. Tun Perak telah dilantik sebagai Bentara Melaka kerana jasanya yang telah berjaya mengetuai ketenteraan Melaka mengalahkan serangan pihak Siam. Kemudian Tun Perak telah dinaikkan pangkat ke jawatan Perdana Menteri dan akhirnya

³ J.M. Gullick, 1970. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 10.

⁴ D.G.E., Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 159.

sebagai Bendahara Melaka dengan gelaran Paduka Raja pada tahun 1456.⁵

Jawatan Bendahara Paduka Raja yang disandang itu boleh juga dikatakan sebagai seorang pengurus dan pentadbiran kerajaan Melayu Melaka.

Tun Perak merupakan bendahara yang kelima dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Penganugerahan itu diberikan kerana beliau telah memenuhi kriteria-kriteria tertentu untuk menyandang jawatan tersebut. Seseorang yang akan dilantik menjawat jawatan Bendahara, mestilah berpengalaman dalam bidang pentadbiran awam, ketenteraan, orang yang tua yang dianggap berpengetahuan dan berpengalaman serta seorang yang dihormati dan disegani oleh masyarakat luar dan dalam istana.

Tome Pires, penulis Portugis yang berada di Melaka hanya beberapa tahun selepas 1511 menyebut jawatan tertinggi (Bendahara) ini sebagai,

... captains-general, whom they call Paduca Raja. These are a kind of viceroy, who is next to the king. To this man all the mandarins do reverence... the Bembara is kind of chief-justice in all civil and criminal affairs... He can order any person to be put to death, of whatever rank and condition, whether nobleman or foreigner, but first of all he must informs the king, and both decide the matter in consultation with the Lasamana and the Tumungo⁶

⁵ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 67-71.

⁶ Armando Cartesao, (ed.), 1994. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London: Hakluyt Society, hlm. 264.

Nyatalah, Bemdara (Bendahara) yang memakai gelaran ‘*Paduca Raja*’ yang dimaksudkan oleh Tome Pires ini adalah Tun Perak kerana hanya beliau sahaja yang mendapat gelaran Paduka Raja dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Setelah menjawat jawatan bendahara, sudah pastilah peranan Tun Perak sebagai seorang bendahara adalah sangat penting. Bendahara pula merupakan orang yang paling kanan selepas sultan. Tugas utama Bendahara adalah menjadi penasihat sultan. Jawatan ini sesuai dipegang oleh Tun Perak kerana beliau adalah seorang yang dihormati dan mendapat kepercayaan penuh daripada sultan berbanding pembesar yang lain. Kenyataan ini telah diakui oleh Tome Pires yang menyebut bahawa Bendahara Paduka Raja Tun Perak adalah “...next to the king”. Bendahara adalah merupakan penasihat utama sultan. Pembesar-pembesar di bawah sultan ada disebutkan dalam Fasal 1 *Undang-Undang Laut Melaka* iaitu:

Adapun pada segala raja-raja itu,
Pertama-tama menjadikan bendahara,
Kedua menjadikan temenggung,
Ketiga menjadikan penghulu bendahari,
Keempat menjadi syahbandar,
Maka terpelihara segala raja-raja itu dengan
segala rakyatnya.⁷

⁷ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka, A Critical Edition*, The Hague: Martinus's Nijhoff, hlm. 62.

Fasal di atas jelas menunjukkan bahawa Bendahara adalah mendahului pembesar-pembesar yang lain. Mereka yang memegang jawatan ini adalah terdiri daripada peribumi yang dilantik secara tersusun mengikut tradisi dan adat atau pun dilantik di kalangan tokoh baru yang telah berjasa besar kepada sultan. Perlantikan secara turun temurun juga diambil kira terutama jawatan yang penting yang telah diwarisi zaman-berzaman seperti Bendahara, Penghulu Bendahari dan Perdana Menteri. Ikatan kekeluargaan dengan sultan yang memerintah menerusi talian keluarga ataupun perkahwinan, menambahkan lagi karisma Tun Perak sebagai Bendahara yang menguruskan pentadbiran negeri. Malah sebagai orang tua yang matang dalam selok belok pemerintahan sewajarnyalah Tun Perak menjadi penasihat Sultan yang paling utama.

Jawatan Bendahara yang dipegangnya itu adalah merupakan satu jawatan yang amat penting untuk membantu sultan menerajui kepimpinan negeri. Segala keputusan yang dibuat oleh seseorang sultan itu adalah atas nasihat Bendahara yang sememangnya arif dalam pengurusan pentadbiran politik Melaka. Sebagai seorang Bendahara juga, Tun Perak bertanggungjawab menjadi penegak kepada konsep daulat dalam institusi kerajaan serta gigih mempertahankan konsep tersebut. Beliau akan mempertahankan konsep daulat walaupun melibatkan darah dagingnya sendiri. Sebagai seorang Bendahara yang berkarisma, sudah tentulah menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan kestabilan politik dan pentadbiran Melaka sentiasa wujud. Tun Perak menganggap bahawa penderhakaan terhadap sultan akan menjadikan

kerajaan Melaka huru hara. Justeru itu, beliau sentiasa mendahului pembesar yang lain untuk mempertahankan konsep ini. Buktiya dapat dilihat apabila Tun Perak tidak menentang raja walaupun melibatkan darah dagingnya iaitu Tun Besar dibunuh oleh bakal sultan Melaka iaitu Raja Muhammad.

Tun Perak juga diberi tugas menjadi pemangku negeri apabila ketiadaan sultan. Ini kerana, sebagai seorang Bendahara, beliau merupakan pembesar yang paling kanan dan menjadi ketua penasihat kepada sultan. Walaupun terdapat tokoh politik yang bertaraf kerabat, namun kewibawaan dan ketokohan Bendahara serta pembesar kanan kerajaan lebih dihormati dan lebih mendapat kepercayaan raja. Tun Perak telah mengambil alih tugas tersebut ketika Sultan Mansur Syah dan rombongannya berangkat ke Majapahit. *Sejarah Melayu* ada menyebutkan bahawa:

Maka Bendahara Paduka Raja dan Seri Nara
Diraja dan Seri Bija Diraja dan segala
menteri hulubalang yang besar-besar
sekaliannya ditinggalkan oleh Sultan Mansor
Syah menunggui negeri.⁸

Berdasarkan kepada petikan di atas, yang telah dinyatakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* iaitu Tun Seri Lanang, tugas Tun Perak sebagai ketua pemangku negeri adalah amat penting iaitu Sultan akan memberikan kepercayaan penuh kepada beliau untuk mentadbir negeri semasa ketiadaan Sultan di dalam negeri dengan dibantu oleh para pembesar yang lain seperti

⁸ W.G., Shellabear, (ed.), 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 114.

Seri Nara Aldiraja. Sekiranya berlaku sesuatu perkara, Tun Perak sebagai bendaharalah yang akan memberikan kata putus mengenai perkara tersebut. Malah, beliau juga boleh bertindak sebagai pemangku sultan sekiranya raja yang memerintah masih kecil, contohnya ketika Sultan Mahmud masih kanak-kanak.⁹

Oleh yang demikian Tun Perak sebagai Bendahara yang berpandangan jauh dan bertanggungjawab, dilihat memiliki kewibawaan yang besar di kalangan pembesar. Beliau adalah merupakan orang yang paling terkemuka di dalam pentadbiran negeri. Jawatan yang dipegang oleh beliau itu telah membolehkannya mengetuai dan melaksanakan undang-undang kerajaan Melaka. Kedudukan yang ada pada Tun Perak telah mewajarkan beliau menguasai bidang pentadbiran dan pemerintahan negeri. Dengan bakat kepimpinan dan kedudukan yang ada dalam diri Tun Perak itulah yang telah mengukuhkan serta memantapkan lagi pengurusan pentadbiran politik kerajaan Melayu Melaka.

Justeru itu sebagai penasihat perundangan negeri Melaka, Tun Perak sebagai Bendahara Paduka Raja mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada kerajaan Melaka. Sultan adalah sebagai perancang kemajuan Melaka, Tun Perak pula bertindak sebagai pemajunya. Malahan beliau kadangkala mempunyai peranan yang lebih besar berbanding sultan, khususnya daripada segi pentadbiran. Sebagai sebuah negara yang teragung di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-15 M, Melaka mempunyai pentadbiran yang tersusun rapi. Ia

⁹ Kenyataan itu disebut juga oleh Winstedt dalam *The Malays-A Cultural History*, hlm. 72. Lihat juga A. Cartesao, (*tanpa tarikh*), *The Suma Oriental*, Jil. 2 hlm. 252.

mempunyai peraturan dan undang-undang tertentu yang mengawal peraturan pentadbirannya. Dalam zaman keagungannya, Melaka mempunyai dua buah undang-undang yang mengawal pentadbirannya iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan juga *Undang-undang Laut Melaka*. Kedua-dua undang-undang ini adalah untuk melindungi hak raja dan juga rakyat jelata. Malah, undang-undang ini juga dijalankan di kawasan jajahan takluk Melaka.

Kedua-dua undang-undang ini tidaklah disusun sekaligus, tetapi dibuat peringkat demi peringkat. Ada kemungkinan berlaku perubahan-perubahan pada undang-undang itu sendiri mengikut peredaran masa. Pembentukan undang-undang ini mungkin telah bermula sejak dalam zaman pemerintahan Megat Iskandar Syah lagi, tetapi semasa zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah rang undang-undang itu disusun semula untuk menjadi peraturan mengenai pakaian dan adat tertib diraja.¹⁰ Akan tetapi hanya dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah barulah undang-undang itu ditulis supaya hukuman yang dijatuhkan oleh para pembesar tidak berbeza-beza.¹¹ Sebelum itu undang-undang ini hanya diingati atau dihafal oleh para menteri.¹²

Tun Perak juga menjalankan tugas pendakwaan dalam kes-kes perbicaraan awam dan jenayah di peringkat negeri.¹³ Daripada apa yang dikesan dalam *Sejarah Melayu*, undang-undang masyarakat Melayu tradisional

¹⁰ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 74-75.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 87.

¹² Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 221.

¹³ Armando Cortesao, (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 264.

dapat dipecahkan kepada beberapa fasal tertentu seperti rakyat daripada semua lapisan tidak boleh menggunakan hak raja, merancang untuk merampas kuasa, membunuh tanpa izin raja, tidak menghadap raja pada pagi hari raya dan berkelakuan biadab kepada raja atau wakilnya. Di antara fasal-fasal tersebut, menggunakan hak raja dan merancang untuk merampas kuasa merupakan kesalahan yang paling besar. Sesiapa yang melanggar undang-undang itu terus dijatuhkan hukuman bunuh yang biasanya tidak perlu diusul periksa. Kesalahan-kesalahan lain juga boleh dikenakan hukuman yang sama tetapi pelaksanaannya tidaklah secara serta merta atau hukuman itu dijatuhkan secara kiasan sebagaimana yang berlaku kepada raja Pahang yang memerintahkan pembesarnya membunuh Tun Telanai Terengganu tanpa izin daripada Sultan Melaka. Dalam tindakan Raja Pahang itu adalah salah di sisi undang-undang. Pada umumnya undang-undang tersebut ternyata untuk menjaga keselamatan dan kepentingan raja.

Namun begitu kepentingan rakyat tidaklah diabaikan langsung. Hal itu jelas dengan adanya undang-undang awam seperti larangan mencuri, mengambil harta atau barang lain yang tercicir, membuat fitnah, mencerca dan mengambil atau memerkosa anak isteri orang. Undang-undang awam ternyata berkesan, terutama semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Setelah undang-undang melarang melakukan kecurian dan mengambil harta orang yang tercicir dikuatkuasakan, negeri Melaka menjadi begitu aman. Orang yang bersalah kerana membuat fitnah akan menerima hukuman bunuh sebagaimana

yang diterima oleh Kitul dan Raja Mendeliar semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.

Bagaimanapun, undang-undang tidak dikuatkuasakan sepenuhnya jika ia dilanggar oleh raja atau keluarganya. Walau bagaimanapun dengan adanya undang-undang, keadaan sosiopolitik Melaka lebih stabil terutama apabila ia dilaksanakan dengan cara yang betul.

Berdasarkan sumber Portugis, Bendahara juga berkuasa melantik dan memilih pengganti raja. Sumber itu menyebut, memilih pengganti raja bukanlah termasuk dalam tugas bendahara, tetapi Tun Perak adalah satu-satunya Bendahara Melaka yang menggunakan sepenuhnya kedudukannya itu secara langsung untuk mempengaruhi perlantikan sultan-sultan Melaka. Biasanya, sultan-sultan yang dilantik itu mempunyai pertalian darah dengannya. Selepas kemangkatan Sultan Muzaffar Syah, Tun Perak telah melantik sepupunya yang bernama Raja Abdullah yang bergelar Sultan Mansur Syah.

Selepas kemangkatan Sultan Mansur Syah, Tun Perak tidak menabalkan calon yang sepatutnya, iaitu Raja Muhammad. Ini adalah kerana Raja Muhammad telah membunuh anaknya yang bernama Tun Besar. Raja Muhammad telah dihantar ke Pahang. Sebaliknya Tun Perak telah melantik anak saudaranya iaitu hasil perkahwinan Sultan Mansur Syah dan adik ataupun kakaknya yang baru berumur lima belas tahun, yang bernama Raja Hussain sebagai Sultan Melaka bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah. Selepas kematian Sultan Alauddin Riayat Syah, beliau menaikkan Sultan Mahmud

yang juga masih muda. Beliau tidak menaikkan calon yang sepatutnya iaitu Raja Munawar. Sumber itu menyebut, Bendahara Tun Perak tidak memilih Raja Sulaiman (cucu Raja Champa) iaitu anak sulung Sultan Alauddin Riayat Syah sebagai Raja Melaka, sebaliknya beliau memilih cucunya yang bernama Raja Mahmud yang merupakan anak hasil perkahwinan Sultan Alauddin dan anak beliau (adik tiri Raja Sulaiman).¹⁴ Oleh kerana Tun Perak adalah seorang yang berpandangan jauh, perlantikan Sultan-sultan tersebut akan menguatkan lagi pengaruhnya, iaitu memudahkan lagi pentadbiran dijalankan kerana Sultan Melaka mempunyai pertalian darah dengannya. Jelas disini kita lihat pentadbiran Tun Perak sentiasa disokong kuat oleh darah dagingnya sendiri.

Berdasarkan peraturan perlantikan pengganti raja seperti yang telah disentuh di atas dakwaan de Menesas itu ternyata tidak tepat kerana Sultan Alauddin Riayat Syah dengan jelas mewasiatkan takhtanya kepada Raja Mahmud. Walau bagaimanapun dakwaan itu mungkin boleh diterima dalam kes penyingkiran Raja Muhammad, Putera Sultan Mansur Syah, daripada menjadi sultan Melaka oleh Bendahara Paduka Raja.¹⁵

Apa yang dilakukan oleh Tun Perak ini sekurang-kurangnya dapat menjamin bahawa tidak akan berlaku rebutan kuasa sesama kerabat diraja sepetimana yang telah berlaku di antara Raja Kassim dengan Raja Ibrahim. Langkah yang dilakukan oleh Tun Perak ini telah menyebabkan kedudukan

¹⁴Francisco de Sa Menesas, 1970. *The Conquest of Malacca*, (pntj. Edgar C. Knowlton Jr.), Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm. 71.

¹⁵Ibid., hlm. 111

politik empayar Melayu Melaka sentiasa berada dalam keadaan stabil dan aman makmur.

Walaupun urusan penting dalam perniagaan dan jual beli di pelabuhan Melaka adalah dikendalikan oleh Syahbandar, namun Tun Perak juga memainkan peranan secara tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan dan transaksi perniagaan. Sudah menjadi kebiasaan walaupun bukan kemestian, Tun Perak turut menerima hadiah daripada pedagang asing, selain pembesar-pembesar Melaka yang utama, dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan dan hak berdagang di Melaka. Undang-undang dan peraturan milik harta juga diwujudkan secara bersistem. Rumah, tanah dan dusun diberikan nilai ekonomi. Tome Pires mengatakan bahawa hanya raja yang sedang bertakhta dan bendahara sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan ‘*licence*’ atau surat kebenaran transaksi menjual dan membeli harta-harta tetap itu.¹⁶

Bendahara Paduka Raja Tun Perak juga bertanggungjawab di dalam urusan perkahwinan Sultan. Petikan di bawah adalah mengenai persiapan yang dilakukan oleh Bendahara Tun Perak apabila Sultan Mansur Syah hendak berkahwin.

Sultan Mansur Syah berasa berahi pada Raden Galuh Cendera Kirana, baginda berkira-kira hendak berangkat ke Majapahit. Maka baginda memberi titah pada Bendahara Paduka Raja

¹⁶ Armando Cartesao, (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 274.

menyuruh berlengkap. Maka Bendahara Paduka Raja pun kerahkan sekalian orang berlengkap dan berbaiki alat, lima ratus banyaknya perahu yang besar-besar yang lain, daripada perahu yang kecil itu tiada terbilang lagi banyaknya. Maka Bendahara dan Seri Nara Aldiraja, dan Seri Bija Aldiraja, dan segala hulubalang yang besar-besar, sekaliannya ditinggalkan oleh Sultan Mansur Syah menunggu negeri.

Bendahara Paduka Raja mendapat anugerah persalin pakaian yang mulia-mulia.¹⁷

Sebagai seorang Bendahara, Tun Perak juga adalah orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan sultan yang telah mangkat. Segala wasiat sultan mestilah ditunaikan dengan amanah. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

Setelah tujuh puluh tiga tahun umur Sultan Mansur Syah di atas kerajaan, datanglah peredaran dunia, maka baginda pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anakanda baginda dan Bendahara, dan segala orang besar-besar. Maka titah Sultan Mansur Syah pada segala mereka itu, Ketahuilah oleh kamu sekalian, bahawa dunia ini lepaslah rasanya pada genggamanku; melainkan negeri akhiratlah

¹⁷ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 150.

semata-mata yang kehendakku. Adapun pengaruh kita pada Bendahara Paduka Raja dan orang kaya-kaya sekalian anak kita Raja Radin ini; ialah akan ganti pada tuan sekalian. Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri, Ya tuanku, jangan apa kiranya diperbinasakan hati patik sekalian dengan titah demikian ini. Bahawa patik sekalian adalah berkaul, jikalau di'afiatkan Allah Taala kiranya Yang Dipertuan daripada sakit sekali ini, habislah segala harta yang dalam khazanah itu, patik-patik sekalian sedekahkan kepada segala fakir miskin, tetapi jangan diberi Allah Taala demikian itu. Setelah itu Sultan Mansur Syah pun mangkatlah.¹⁸

Petikan di atas adalah saat-saat kemangkatan Sultan Mansur Syah. Sultan Mansur Syah telah meninggalkan segala wasiat kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak iaitu siapakah yang akan menggantikan baginda kelak? Jelas kepada kita bahawa sultan amat mempercayai Tun Perak untuk melaksanakan urusan penggantian sultan yang baru. Segala wasiat yang ditinggalkan akan dilaksanakan oleh Tun Perak dengan penuh tanggungjawab.

Sejarah Melayu ada menyatakan bahawa:

¹⁸ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam 'Sejarah Melayu' MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 195-196.

Setelah itu Raja Radin dirajakan oleh Bendahara Paduka Raja; gelar Baginda di atas kerajaan Sultan Alaudin Riayat Syah.¹⁹

Petikan di atas adalah membuktikan pelaksanaan tugas yang telah dijalankan oleh Tun Perak apabila beliau telah menabalkan Raja Radin di atas takhta kerajaan negeri Melaka. Raja Radin telah diberi gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. Selepas tahun 1440-an dengan kedudukan sebagai ketua pentadbiran tertinggi yang dimilikinya, Tun Perak berada di dalam keadaan yang selesa setelah kematian Seri Nara Aldiraja. Selepas kematian Seri Nara Aldiraja Tun Ali yang merupakan iparnya, jawatan Penghulu Bendahari diserahkan pula kepada Tun Tahir bin Tun Ali yang juga memakai gelaran Seri Nara Aldiraja. Tun Mutahir bin Tun Ali pula menjadi Temenggung, bergelar Seri Maharaja. Kedua-dua anak saudara Tun Perak, Tun Abdullah (anak kepada isteri yang baru dikahwini selepas kematian Tun Kudu)²⁰ iaitu anak bongsu Tun Ali pula menjadi pembesar istana, bergelar Seri Nara Wangsa.²¹ Keadaan ini mengukuhkan lagi kewibawaan dan penguasaannya dalam pentadbiran Melaka kerana jentera pentadbiran kerajaan Melaka adalah dibantu oleh saudara-maranya yang sentiasa memberi sokongan padu kepadanya.

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 196.

²⁰ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 166.

²¹ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 143.

Sementara itu, hampir semua raja-raja Melaka pada masa itu mempunyai pertalian kekerabatan secara langsung atau tidak langsung dengannya. Pertalian kekerabatan dengan raja-raja dan pembesar-pembesar dan orang kaya utama Melaka tentunya membolehkan Tun Perak mempertinggi martabatnya. Sokongan orang bawahannya telah membolehkan beliau meneruskan usahanya untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar yang disegani di rantau ini.

Di dalam kerjayanya sebagai pembesar yang paling utama dan pentadbir tertinggi dalam birokrasi dan pemerintahan Melaka, Tun Perak telah berkhidmat kepada empat orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Sekaligus juga merupakan tokoh paling lama menyandang jawatan Bendahara dan berkhidmat dengan kesultanan Melayu Melaka. Jawatan ini kemudiannya dipegang oleh adik Tun Perak iaitu Tun Perpatih Putih (Bendahara Putih). Selepas itu, anak saudara Tun Perak iaitu Tun Mutahir (Bendahara Seri Maharaja), dan Paduka Tuan (Bendahara Lubuk Batu atau Bendahara Tepok) anak Tun Perak.²².

²²Muhammad Yusoff Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Patriotisme Malaysia, hlm. 3

Carta 4.1 Hubungan kekeluargaan antara Raja Melaka dengan Bendahara

	Bendahara	Hubungan
Iskandar Syah	Tuan Perpatih Tulus	Bapa saudara dan mertua raja
Ahmad (Raja Besar Muda)	Tun Perpatih Tulus	Nenda kepada raja
Tengah	Raden Bagus/Tun Perpatih Permuka Berjajar (Seri Wak Raja)	Abang raja
Kecil Besar (Sultan Muhammad)	Raden Anum (Seri Amar Diraja) ?	Bapa saudara raja
Ibrahim (Sultan Abu Syahid)	Raden Anum (Seri Amar Diraja) ?	Datuk saudara raja
Kassim (Sultan Muzaffar Syah)	1.Raden Anum (Seri Amar Diraja) ? 2.Tun Perpatih Sedang (Seri Wak Raja) 3.Tun Ali (Seri Nara Diraja) 4.Tun Perak (Paduka Raja)	Datuk Saudara dan mertua raja Ipar raja Bapa saudara Bekas ipar
Abdullah (Sultan Mansur Syah)	1.Tun Perak (Paduka Raja)	Ipar raja
Hussain (Sultan Alauddin Riayat)	1.Tun Perak (Paduka Raja)	Bapa saudara raja
Mahmud (Sultan Mahmud Syah)	1.Tun Perak (Paduka Raja) 2.Tun Perpatih Putih (Saudara Tun Perak) 3.Tun Mutahir (Seri Maharaja) 4.Paduka Tuan (Bendahara Tepok) 5.Tun Khoja Ahmad (Paduka Tuan)	Datuk saudara raja Datuk saudara raja Bapa saudara raja Bapa sepupu raja Dua pupu raja
Ahmad (Sultan Ahmad Syah)	Paduka Tuan (Bendahara Tepok)	Datuk sepupu raja

Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusoff Hashim, *Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hlm.395.

Keistimewaan Tun Perak Sebagai Seorang Bendahara

Taraf kebesaran Tun Perak sebagai seorang Bendahara Melaka dalam beberapa aspek ada dinyatakan dalam *Sejarah Melayu*. Istiadat menghadap raja dan bersirih nobat hanya boleh dilakukan sekiranya Bendahara turut hadir. Bendahara akan menjalankan istiadat sirih nobat selepas anak-anak raja,²³ dan kemudian diikuti oleh pembesar-pembesar utama yang lain.

Dalam upacara menghadap sultan di balairung, bendahara Tun Perak akan duduk di hadapan sekali daripada para pembesar yang lama di Seri Balai.²⁴ Dalam istiadat perlantikkannya, Bendahara akan dikurniakan oleh sultan lima persalinan sebagai satu susunan anugerah, iaitu baju, kain, destar dan ikat pinggang, sedangkan anak-anak raja kerabat pula hanya dikurniakan empat persalinan bagi setiap 'set'.²⁵ Usungan juga dikurniakan kepada Bendahara dan Laksamana dengan tujuan untuk menunjukkan hak sosial dan taraf kebesarannya,²⁶ walaupun penggunaan usungan untuk tujuan rasmi adalah hak mutlak raja.

Cara hidangan yang dimakan oleh Bendahara Tun Perak dalam istiadat rasmi di istana juga menunjukkan taraf istimewanya. Bendahara akan makan sehidangan untuk dirinya atau pun sehidang dengan anak-anak raja.²⁷ Manakala para pembesar yang lain akan makan sehidangan empat orang.

²³ *Ibid.*, hlm. 80

²⁴ *Ibid.*, hlm. 76.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 79.

²⁶ *Ibid.*, hlm. 188-189.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 81.

Prosedur memakan ialah Bendahara dahulu yang menjamah hidangan, kemudian barulah diikuti oleh pembesar dan tetamu yang lain.

Lazimnya pembesar-pembesar negeri tidak mempunyai gaji tetap, sebaliknya Sultan memberikan mereka menguasai daerah tertentu beserta dengan beberapa peratus cukai yang dipungut di daerah tersebut. Disamping itu mereka juga dibenarkan memiliki pengikut dan pengawal sendiri. Pengikut-pengikut tersebut biasanya mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada tuannya sekalipun terpaksa menentang raja. Ini jelas sebagaimana yang ditunjukkan oleh pengikut Tun Perak apabila Tun Besar dibunuh oleh Raja Muhammad, putera Sultan Mansur Syah. Justeru itu, dengan adanya seorang Bendahara Melaka seperti Tun Perak yang amat setia kepada sultan itu membolehkan Melaka mengecap keharmonian dan keamanan dalam sebuah empayar pada abad ke-15 M.

Sistem penggantian Bendahara selalunya mengikut keturunan iaitu diwarisi daripada ayah kepada anak atau abang kepada adik. Ini adalah merupakan amalan tradisi. Terdahulu daripada ini, ayah Tun Perak yang mulanya bergelar Tun Perpatih Sedang juga telah menggantikan ayahnya yang menjadi Bendahara, bergelar Seri Wak Raja. Pada masa itulah Seri Nara Aldiraja Tun Ali dikatakan sebagai tokoh pentadbir Melaka yang paling berpengaruh dan berwibawa daripada Bendahara sendiri. Mungkin inilah alasan paling tragis yang menyebabkan Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Sedang membunuh diri dengan meminum racun.²⁸

²⁸ *Ibid.*, hlm. 89-90.

Bakal Bendahara pula akan digelar Tun Pikrama.²⁹ Tun Perak, Bendahara yang masyhur itu adalah anak Bendahara Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang mati akibat meminum racun. Tun Perpatih Putih (Bendahara Putih) yang menggantikan Tun Perak adalah adik Tun Perak. Bendahara Melaka yang terakhir, Paduka Tuan (Bendahara Tepok) yang menggantikan Tun Perpatih Putih adalah anak almarhum Bendahara Tun Perak. Tun Mutahir ibni Seri Nara Aldiraja Tun Ali pula adalah anak saudara Tun Perak, kerana ibu Tun Mutahir adalah Tun Kudu iaitu kakak sulung Tun Perak. Penyandang jawatan Bendahara mempunyai gelaran tertentu seperti gelaran Seri Wak Raja, Seri Paduka Raja, Seri Maharaja dan Seri Paduka Tuan. Gelaran ini bergantung kepada gelaran kebesaran asal yang disandangnya sebelum menjadi Bendahara.

Kesimpulannya Tun Perak boleh dianggap sebagai seorang pengurus pentadbiran dan politik Melaka pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Beliau telah menjadi pengurus pentadbiran politik kepada empat orang Sultan. Segala pengurusan pentadbiran adalah berada di tangan beliau yang memegang jawatan Bendahara dengan gelaran Paduka Raja. Jawatan yang dipegangnya itu telah membolehkan beliau mentadbir keseluruhan empayar Melayu Melaka. Dalam erti kata yang lain Tun Perak adalah merupakan seorang tokoh pengurus pentadbiran dan politik kerajaan Melayu Melaka. Beliau adalah penasihat utama Sultan Melaka. Ciri-ciri

²⁹Ibid., hlm. 77.

kepimpinan yang ditonjolkan oleh beliau telah menjadikan Melaka sebuah empayar yang terkenal di seluruh dunia. Kebijaksanaan dan keunggulan beliau telah dibuktikan oleh penulis *Sejarah Melayu* Tun Sri Lanang iaitu:

Adapun Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, karena pada zaman itu tiga buah negeri sama besarnya: pertama Majapahit, kedua Pasai, ketiga Melaka. Dalam negeri yang tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana: di Majapahit, Aria Gajah Mada namanya; di Pasai, Orangkaya Raja Kenayan; namanya; di Melaka, Bendahara Paduka Raja namanya.³⁰

Tun Perak juga adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam memastikan keadaan politik kerajaan Melayu Melaka sentiasa stabil dan aman makmur. Bermula dengan memegang jawatan penghulu di Kelang itulah Tun Perak mula menceburi bidang politik, lalu menjadi sebahagian daripada jentera pentadbiran kerajaan Melayu Melaka dan juga di peringkat kawasan jajahan takluk Melaka. Bakat kepimpinan yang ada dalam diri Tun Perak telah menyebabkan beliau berjaya menjadi seorang pemimpin yang berkaliber dan unggul dalam menguruskan pentadbiran dan politik Melaka. Kebijaksanaannya menjadi penasihat sultan yang bewibawa telah membawa kepada kejayaan dalam setiap keputusan yang diambil. Kestabilan dalam pentadbiran terus

³⁰ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 140.

wujud apabila Tun Perak menggunakan kuasa yang ada padanya untuk melantik sultan-sultan yang baru. Tindakan Tun Perak ini telah menjadikan politik empayar Melaka sentiasa stabil dan aman. Ditambah pula dengan keistimewaan yang ada dalam dirinya iaitu beliau adalah seorang yang baik hati, bersifat mulia dan pemurah serta tidak ada sifat iri hati terhadap para pembesar yang lain telah memantapkan lagi kedudukannya sebagai pengurus pentadbiran politik kesultanan Melayu Melaka.